Soalan: Berdasarkan maklumat. Tulis sebuah karangan tentang langkah-langkah menjaga alam sekitar.

ARAHAN: Baca dan kenal pasti jenis-jenis ayat di bawah, kemudian isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang sesuai.

PENDAHULUAN

rangsangan	tema	arahan

1	Ayat _____	Alam sekitar adalah sesuatu yang penting dalam kehidupan manusia, tidak mengira bangsa, agama dan negara. Alam sekitar ini termasuklah kawasan-kawasan tumbuhan hijau, udara dan air seperti sungai dan laut.
2	Ayat _____	Alam sekitar masa kini semakin tercemar kerana terdapat pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab telah melakukan pencemaran seperti pembuangan sampah di sungai-sungai, penggunaan baja-baja kimia dan pelbagai lagi.
3	Ayat _____	Persoalannya, apakah langkah-langkah menjaga alam sekitar?

PERENGGAN ISI

topik	huraian	contoh	penegas

ISI 1

1	Ayat _____	Buktinya, pihak kerajaan telah meletakkan papan tanda peringatan kepada masyarakat agar tidak membuang sampah merata-rata di kawasan awam bahkan turut disertai dengan denda sebanyak RM500.00.
2	Ayat _____	Dengan ini, lebih ramai rakyat Malaysia akan lebih bertanggungjawab dalam menjaga alam sekitar.
3	Ayat _____	Antara langkah yang boleh diambil adalah melalui pihak kerajaan.
4	Ayat _____	Hal ini demikian kerana, pihak kerajaan mempunyai autoriti dalam menguatkuasakan undang-undang negara.

ISI 2

1	Ayat _____	Selain itu, pihak sekolah juga berperanan penting dalam memastikan masyarakat menjaga alam sekitar.
2	Ayat _____	Sebagai contoh, Kelab Pencinta Alam wajib menjalankan program kitar semula di peringkat sekolah bahkan berpeluang menyertai program luar anjuran Kementerian Alam Sekitardan Air.

LIVEWORKSHEETS

3	Ayat _____	Hal ini dikatakan demikian kerana, murid-murid di sekolah adalah pemangkin masa depan negara.
4	Ayat _____	Tuntasnya, dengan penubuhan Kelab Pencinta Alam di sekolah dapat memberikan pendedahan awal berkaitan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

ISI 3

1	Ayat _____	Hal ini disebabkan oleh, ibu bapa bertanggungjawab dalam mendidik anak-anak dari kecil untuk menjaga alam sekitar daripada kemusnahan seperti peribahasa Melayu "meluntur buluh biarlah dari rebungnya".
2	Ayat _____	Misalnya, ibu bapa mengajar anak-anak mengasingkan bahan buangan mengikut jenis seperti botol, kaca, kertas dan sebagainya.
3	Ayat _____	Akhir sekali, keluarga merupakan pihak yang paling penting dalam komuniti untuk menyelamatkan khazanah negara daripada pupus.
4	Ayat _____	Kesannya, anak-anak akan terbiasa dengan persekitaran menjaga alam sekitar.

PENUTUP

kesimpulan	cadangan	harapan

1	Ayat _____	Kesimpulannya, semua pihak haruslah berganding bahu bak peribahasa "bagai aur dengan tebing" dalam memastikan alam sekitar sentiasa terpelihara.
2	Ayat _____	Oleh sebab itu, kerajaan haruslah bersinergi dalam melancarkan kempen alam sekitar secara berterusan dan berkesan khusunya membuat hebahan dalam media massa yang kini menjadi platform utama masyarakat.
3	Ayat _____	Dengan langkah dan kesedaran daripada semua pihak, maka alam sekitar kita yang kaya dengan habitat flora dan fauna dapat dipelihara untuk generasi akan datang.

LIVEWORKSHEETS